

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (“TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT”) KEMPEN ICM-UT KFH MALAYSIA (“KEMPEN”)

1. TEMPOH KEMPEN

Kempen ICM-UT (“Kempen”) ini bermula dari **8 Disember 2016 sehingga 7 Mac 2017** (“Tempoh Kempen”), kedua-dua tarikh termasuk.

2. KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan KFH Malaysia yang layak dan memenuhi kriteria berikut:-
- i. Pelanggan individu yang merupakan warganegara Malaysia, penduduk tetap dan penduduk bukan tetap yang menetap di Malaysia. (**“Pelanggan Individu”**).
 - ii. Pelanggan bukan individu yang terdiri daripada pemilik tunggal, perkongsian, / organisasi tidak berdasarkan keuntungan / persatuan, pertubuhan, pelanggan korporat / komersil termasuk perusahaan kecil dan sederhana (**“Pelanggan Bukan Individu”**); atau
 - iii. Kakitangan Kumpulan Kuwait Finance House (**“Kumpulan KFH”**), termasuk pengarah, pekerja tetap, pekerja kontrak dan keluarga terdekat mereka (**“Pekerja”**)
 - iv. Deposit minimum RM5,000.00 dalam KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i (“ICM”) **DAN** nilai bersamaan RM5,000.00 bagi Unit Amanah yang dilanggani di bawah mana-mana Dana Ekuiti (secara kolektif **“Produk Pengurusan Harta”**).

(Pelanggan Individu, Pelanggan Bukan Individu dan Kakitangan adalah secara kolektif dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”)

- b) Kategori pelanggan berikut dikecualikan daripada menyertai Kempen ini: -
- i. Akaun ICM pelanggan tidak aktif atau telah ditamatkan semasa Tempoh Kempen;
 - ii. Akaun ICM pelanggan yang bermasalah, yang terlibat dalam transaksi penipuan, yang disyaki di bawah perkara-perkara yang berkaitan dengan Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram dan apa-apa pelanggaran lain yang mewajarkan KFH Malaysia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya; atau
 - iii. Pelanggan yang muflis, meninggal dunia, mengalami penyakit mental atau tidak siuman atau mempunyai tindakan undang-undang diambil terhadap mereka

3. PRODUK-PRODUK YANG LAYAK

- a) Produk-produk Pengurusan Harta berikut sahaja yang layak untuk Kempen ini: -

Produk Deposit Berjangka	Produk Pengurusan Harta (Dana Ekuiti Sahaja)
KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i (“ICM”)	Am Precious Metals CIMB Dali Equity Growth (DALI 1) Kenanga Shariah Growth Fund

(secara kolektif dirujuk sebagai “Produk yang Layak”)

- b) KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa Junior-i and KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa Mata Wang Asing-i **Tidak Layak** untuk kempen ini.
- c) Terma dan syarat bagi setiap Produk yang Layak akan diguna pakai.
- d) Tiada pra-pendaftaran, SMS atau pengisian borang diperlukan. Pelanggan yang Layak secara otomatis layak untuk menyertai Kempen ini dengan memenuhi semua syarat-syarat dan keperluan untuk Kempen ini.

4. SYARAT-SYARAT KEMPEN

Pelanggan yang Layak dan berhak untuk hadiah bersyarat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 5 di sini, deposit ICM Pelanggan yang Layak berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- a) Kempen ini menawarkan pembayaran keuntungan secara pendahuluan kepada Pelanggan yang Layak setelah selesai dagangan komoditi;
- b) Deposit ICM mesti berdasarkan satu akaun, satu letakan dan deposit tersebut mestilah daripada dana baru. Perletakan yang sedia ada dalam ICM tidak akan dikira. Jumlah perletakan minimum setiap deposit adalah RM5,000.00 sahaja. Tempoh setiap perletakan ICM adalah tiga (3) bulan sahaja;
- c) Bagi setiap perletakan ICM oleh Pelanggan yang Layak, jumlah perletakan ICM mestilah bersamaan dengan jumlah pelaburan Produk Pengurusan Harta. Pelanggan yang Layak boleh membuat beberapa perletakan dan setiap deposit hendaklah tertakluk kepada deposit minimum dan jumlah pelaburan yang terkandung di sini. Sila rujuk kepada ilustrasi berikut:

Jumlah Perletakan	Deposit Berjangka	Produk Pengurusan Harta
RM10,000.00 (minimum)	RM5,000.00	RM5,000.00

- d) Sekiranya mana-mana dana unit amanah di bawah Produk Pengurusan Harta dibatalkan semasa Tempoh Bertenang atas apa jua sebab, Pelanggan yang Layak tidak akan layak untuk menerima hadiah bersyarat. "Tempoh Bertenang" dalam konteks ini adalah terbuka kepada pelanggan yang melabur buat pertama kali dalam dana unit amanah di bawah Produk Pengurusan Harta. Tempoh Bertenang adalah tempoh enam (6) hari bermula dari tarikh penerimaan permohonan untuk langganan unit amanah oleh KFH Malaysia. Sekiranya Pelanggan Layak membatalkan pelaburan dalam unit amanah dalam Tempoh Bertenang, jumlah pelaburan dalam unit amanah dan caj perkhidmatan itu hendaklah dikembalikan sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak;
- e) Deposit dalam ICM mesti dikekalkan untuk keseluruhan tempoh tiga (3) bulan. Sekiranya terdapat pengeluaran pramatang deposit itu atau mana-mana bahagian deposit tersebut, hadiah bersyarat tidak boleh diberikan;

- f) Pada tarikh matang, jumlah prinsipal akan dikreditkan ke dalam KFH Akaun Simpanan / Semasa-i Pelanggan yang Layak dan TIADA pembaharuan secara otomatik akan dibenarkan;
- g) Pelanggan yang Layak TIDAK berhak mendapat apa-apa keuntungan untuk sebarang pengeluaran pra-matang yang dibuat di bawah keadaan tersebut, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada KFH Malaysia untuk debit / mengurangkan keuntungan yang diterima sebelum ini, di mana, jika ada berbaki, akan dikreditkan ke dalam KFH Akaun Simpanan / Semasa-i Pelanggan yang Layak tersebut; dan
- h) Kempen ini sah untuk satu (1) tempoh ICM sahaja. Pembaharuan deposit untuk ICM tidak layak untuk menerima hadiah bersyarat kerana tidak ada Produk Pengurusan Harta baru dibeli.

5. PAKEJ PROMOSI

- a) Di bawah Kempen ini, Pelanggan yang Layak semasa Tempoh Kempen akan menikmati hadiah bersyarat "Hibah Mu'allaqah" iaitu 1.94% dari atas pelaburan Produk Pengurusan Harta mereka. Pemberian hadiah bersyarat tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Fasal 4 di sini. Ilustrasi Kempen adalah seperti di bawah:-

Jumlah dilaburkan dalam Produk Pengurusan Kewangan	Jumlah Letakkan ICM (Letakan baru sahaja)	Tempoh letakkan	Nisbah letakkan ICM: Perlubaran dalam Produk Pengurusan Kewangan
RM5,000.00 minimum dalam Unit Amanah	Sekurang-kurangnya amaun minimum perlaburan dalam Unit Amanah	3 bulan	1 : 1

Ilustrasi: -

Pelanggan yang melabur RM10,000.00 dalam Dana Unit Amanah dalam Tempoh Kempen akan layak untuk meletakkan RM10,000.00 di ICM untuk tempoh 3 bulan pada kadar lazim untuk mendapatkan hadiah bersyarat 1.94% ke atas pelaburan Produk Pengurusan Harta mereka. Ini akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan secara pendahuluan kepada Pelanggan yang Layak setelah selesai dagangan komoditi.

Sekiranya Pelanggan yang Layak mengeluarkan ICM sebelum tamat tempoh perletakan, dia tidak akan menerima apa-apa keuntungan untuk perletakan tersebut dan tidak layak untuk hadiah bersyarat ke atas pelaburan Produk Pengurusan Hartanya.

Setelah memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Fasal 4 di atas, Pelanggan yang Layak akan menerima hadiah dengan bersyarat untuk pelaburan beliau dalam Produk Pengurusan Harta.

Untuk lebih menggambarkan, jika 3 bulan kadar lazim adalah 3.10% setahun, keuntungan atas pokok RM10,000.00 berdasarkan kadar lazim selama 3 bulan dan pada andaian bahawa terdapat 91 hari dalam tempoh ICM, akan menjadi RM77.29

dan 1.94% hadiah bersyarat untuk diberi ke atas pelaburan Produk Pengurusan Harta berjumlah RM10,000.00 akan menjadi RM194.00.

Sila rujuk kepada ilustrasi di bawah:-

Perletakkan ICM (RM)	Perlaburan dalam Produk Pengurusan Kewangan (RM)	Tempoh Bilangan hari dalam ICM	ICM Keuntungan pada kadar lazim ** (RM)	Hadiah dari Perlaburan dalam Produk Pengurusan Kewangan (RM)	Jumlah Kebaikan kepada Pelanggan (RM)
10,000.00	10,000.00	91	77.29	194.00	271.29

*** Kadar lazim 3.10% setahun pada 1 Okt 2016 digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja. kadar keuntungan semasa pada masa penyertaan dalam Kempen ini akan dikenakan.*

- b) KFH Malaysia mempunyai hak untuk mengubah atau meminda syarat-syarat kempen ini dan jumlah hadiah bersyarat disebabkan oleh;
 - i. keadaan pasaran yang buruk menyebabkan KFH Malaysia tidak lagi mampu untuk terus menawarkan Kempen atau jumlah hadiah bersyarat; atau
 - ii. perubahan kadar pasaran seperti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa; atau
 - iii. apa-apa sebab yang berkaitan.

6. SYARAT-SYARAT UMUM

- a) ICM layak dilindungi oleh PIDM
- b) Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dan keputusan Bank berkaitan dengan produk-produk yang layak.
- c) Terma dan Syarat Kempen yang terkandung di sini serta apa-apa keputusan yang dibuat oleh KFH Malaysia berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat. Sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan atas apa-apa pertikaian atau perkara-perkara yang berkaitan dengan apa-apa keputusan tidak akan dilayan.
- d) KFH Malaysia akan mengambil kira status akaun Pelanggan yang Layak tanpa ada batasan tidak termasuk melanggar Terma dan Syarat Kempen ataupun akaun mestilah aktif dan mempunyai rekod kredit yang baik.
- e) KFH Malaysia berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini secara keseluruhan atau sebahagiannya dan boleh menamatkan atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari mengikut kalender terlebih dahulu. KFH Malaysia boleh memberi notis atau komunikasi tersebut kepada Peserta melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai termasuk tanpa had melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, dengan menyiaran notis itu ke cawangan KFH Malaysia, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala, melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau

dengan memaparkannya ke laman web KFH Malaysia atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan KFH Malaysia. Terma dan Syarat ini boleh dilayari di kfh.com.my.

- f) KFH Malaysia mempunyai hak untuk menentukan tempoh Kempen ini. KFH Malaysia juga mempunyai hak untuk menggantung, menarik balik atau menamatkan Kempen ini tanpa memberi sebarang alasan. Sebarang pembatalan, penamatkan, penggantungan atau lanjutan untuk Tempoh Kempen tidak akan memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang bentuk tuntutan atau pampasan terhadap KFH Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami akan ditanggung oleh Pelanggan yang Layak tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- g) Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, kesamaran atau pertikaian dalam pentafsiran mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini dari segi bahasa, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- h) Pelanggan yang Layak dengan ini memberi persetujuan kepada pihak KFH Malaysia untuk mendedahkan sebarang maklumat Pelanggan yang wujud dengan pihak KFH Malaysia kepada mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas KFH Malaysia atau syarikat induk KFH Malaysia, cawangan, syarikat berkaitan, sekutu, subsidiari, pemegang serah hak, pemegang serah hak yang dicadangkan, ejen dan/atau pihak lain yang terlibat dengan KFH Malaysia yang membolehkan KFH Malaysia atau membantu KFH Malaysia untuk melaksanakan atau menguatkuasakan hak-hak KFH Malaysia di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan atau dokumen keselamatan yang lain.
- i) Selain Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di sini, semua terma dan syarat untuk produk KFH Malaysia lain hendaklah terus terpakai.